# Buniyamin didakwa memfitnah Dr. Mahathir

Oleh YULPISMAN ASLI

UM 20 SEP 2002

KOTA BHARU 19 Sept. — Bekas Ahli Parlimen Bachok, Buniyamin @ Yamin Yaakob, 56, hari ini dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas tuduhan memfitnah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Beliau yang hadir berpakaian hospital dan berkerusi roda dengan ditemani isteri keduanya, Noor Hayati Ibrahim serta seorang doktor dan jururawat dari Hospital Kota Bharu (HKB), mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan.

Hakim Mohd. Yazid Mustafa kemudian menetapkan 5 hingga 7 November ini sebagai tarikh perbicaraan dan mengenakan wang ikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin.

Buniyamin yang tampak sugul sepanjang persidangan, kemudian dijamin oleh Setiausaha Badan Perhubungan Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Jusoh.

## Pertuduhan

Tertuduh diwakili oleh Peguam Karpal Singh, manakala pendakwaan dilakukan oleh Timbalan Pendakwa Raya Nordin Hassan dengan dibantu oleh Azmi Ariffin dan Dzulkifli Ahmad.

Sementara Wan Zawahir Harun pula berperanan sebagai peguam pemerhati bagi Pas Kelantan.

Mengikut kertas pertuduhan, Buniyamin dari Kampung Belukar Gunong, Bachok dituduh melakukan kesalahan itu pada 15 Mac lalu antara pukul 10 hingga 11.30 malam di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik).

Lihat muka 4

# Buniyamin didakwa memfitnah Dr. Mahathir

Dia dituduh memfitnah Dr. Mahathir melalui pertuturan dalam ceramah dengan membuat suatu tohmahan mengenai diri Dr. Mahathir iaitu "Datuk Seri Dr. Mahathir menonton video lucah bersama cucunya."

Mengikut kertas pertuduhan, Buniyamin mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa tohmahan tersebut akan merosakkan nama baik Dr. Mahathir, maka dengan itu melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 500 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau keduaduanya sekali.

Terdahulu, Mohd. Yazid turut menolak bantahan awal Karpal yang mahu pihak mahkamah mengetepikan pertuduhan tersebut atas alasan mahkamah tiada bidang kuasa untuk memulakan perbicaraan.

Karpal dalam hujahnya berkata, pertuduhan itu perlu digugurkan kerana pendakwaan dilakukan oleh Pendakwa Raya berdasarkan laporan polis yang tidak dibuat oleh Dr. Mahathir sebagai orang yang difitnah selaras dengan peruntukan Seksyen 131 Kanun Acara Jenayah.

Beliau sebelum ini meminta mahkamah menangguhkan persidangan selama kira-kira 30 minit bagi membolehkannya meneliti intipati pertuduhan yang dikemukakan ke atas tertuduh.

Dalam hujah balasnya, Nordin berkata, pada peringkat ini apa yang perlu hakim perhatikan ialah sama ada beliau mempunyai kuasa bagi kesalahan yang dikemukakan di mahkamah.

Mengenai Seksyen 131 Kanun Acara jenayah katanya, seksyen itu juga jelas memperuntukkan bahawa sama ada pihak yang difitnah atau Pendakwa Raya boleh mengemukakan pendakwaan.

"Seksyen 131 tidak langsung menyebut kedudukan seseorang tetapi menyebut kesalahan yang dilakukan iaitu memfitnah," katanya.

Nordin berkata, tindakan ke atas memfitnah peribadi boleh dilakukan melalui dua cara iaitu tindakan sivil dan jenayah.

Katanya, dalam hal ini, Seksyen 376 Kanun Acara Jenayah jelas memperuntukkan kuasa Peguam Negara sebagai Pendakwa Raya bagi mengelolakan kes-kes kesalahan jenayah.

Sementara itu, Mohd. Yazid dalam penghakimannya berkata, pendakwaan juga boleh dilakukan oleh pihak Pendakwa Raya memandangkan kes fitnah boleh dibahagikan kepada dua iaitu di bawah sivil dan jenayah sebagaimana yang dinyatakan oleh Nordin.

Beliau berkata, di bawah kes jenayah, pihak Pendakwa Raya mempunyai bidang kuasa yang tidak boleh dipertikaikan.

"Soal pertuduhan, mahkamah mendapati boleh bukti atau tidak boleh bukti masih pada peringkat awal lagi dan bukan tugas mahkamah. Ini akan ditentukan melalui pembentangan bukti.

"Atas itu mahkamah menolak bantahan awal (pihak peguam bela)," katanya yang menjelaskan telah meneliti semua kertas pertuduhan sebelum membuat keputusan.

Dalam pada itu, Hakim turut menegur sikap sebahagian penyokong Pas yang mengikuti persidangan itu supaya mematuhi setiap peraturan mahkamah.

Sementara di luar mahkamah pula, suasana riuh timbul apabila ahli-ahli Pas yang hadir melaungkan 'Allahu Akhbar' sebaik sahaja bekas Ahli Parlimen Bachok itu diusung masuk ke mahkamah kira-kira pukul 9.40 pagi.

Suasana serupa berlaku ketika Buniyamin dibawa keluar mahkamah dan diusung ke ambulans untuk dibawa semula ke HKB.

Bagaimanapun, kehadiran beberapa pegawai dan anggota polis di perkarangan mahkamah berjaya mengawal keadaan daripada kejadian yang tidak diingini.